

29 DEC 2000

Inggeris-Sokong

PELBAGAI KUMPULAN SOKONG SARANAN PM BERKENAAN PENGGUNAAN BAHASA  
INGGERIS

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Pelbagai kumpulan hari ini meyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad yang berkata bahawa mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris tidak menjadikan seseorang itu kurang patriotik.

Setiausaha Agung Kesatuan Profesion Perguruan Kebangsaan (KPPK) N. Siva Subramaniam berkata menguasai bahasa Inggeris adalah penting untuk rakyat Malaysia bersaing di arena antarabangsa.

Beliau memberitahu BERNAMA hari ini bahawa usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan taraf bahasa itu tidak mendatangkan hasil kerana tanggapan bahawa seorang yang patriotik tidak akan mempelajari bahasa Inggeris.

Dr Mahathir dilaporkan berkata bahawa ada tanggapan yang dikalangan sesetengah rakyat Malaysia bahawa mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris bermakna seseorang itu kurang setia dan tidak patriotik.

Dalam satu temuduga dengan BERNAMA Selasa lalu, Dr Mahathir berkata seorang nasionalis yang benar ialah seorang yang menguasai segala pengetahuan dan kemahiran dan mampu mencabar seluruh dunia.

Siva juga menyokong rancangan kerajaan untuk mendapatkan guru-guru asing jika diperlukan dan yang paling menghairankan ialah guru-guru tempatan yang sekarang mengajar bahasa Inggeris tidak begitu cekap dalam menguasai bahasa tersebut.

Walaupun bagaimanapun, beliau berkata kerajaan boleh meminta bantuan dari ramai guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara, yang telah menguasai bahasa tersebut sejak dari zaman kolonialisme.

Siva berkata guru-guru ini mempunyai penguasaan bahasa Inggeris yang tinggi dan boleh digunakan untuk melatih guru-guru baru, yang kurang pendedahan dan pengalaman dalam penggunaan bahasa tersebut.

Sementara itu, anggota exco Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia Sheikh Badar Sheikh Embong berkata saranan Dr Mahathir adalah tepat pada masanya.

Beliau bersetuju dengan Perdana Menteri bahawa mempelajari bahasa Inggeris tidak menjadikan seseorang itu kurang patriotik dan rakyat Malaysian tidak perlu kluatir yang identiti Malaysia akan hilang jika mereka mempelajari bahasa Inggeris.

Sheikh Badar, yang juga bekas setiausaha agung persatuan itu, berkata bahawa pengetahuan dalam apa jua bentuk sekali pun mesti dipelajari dan dikuasai.

Malah, Islam juga menghendaki penganutnya mendapatkan pengetahuan dan bahasa Inggeris adalah satu bentuk pengetahuan yang perlu dikuasai oleh semua rakyat Malaysia untuk bersaing diperingkat global.

--BERNAMA

MLS ES SR